

MANUAL LENGKAP • MUDAH • PRAKTIKAL

BINA GAME 2D & 3D TANPA CODING



DARI IDEA SAMPAI **LIVE LINK**



PAPAN UTAMA

- Pemain Merah 1 / 100
- Pemain Biru 1 / 100
- Pemain Kuning 1 / 100
- Pemain Hijau 1 / 100



TANGGA NAIK



ULAR TURUN



SOALAN MATEMATIK



Dari Idea



Bina Game
2D & 3D



Test &
Perbaiki



Publish
Cloudflare



Dapatkan
Live Link



**ZERO
CODING**

Sesuai Untuk
Semua Orang!

MUDAH DIKUTI • LANGKAH DEMI LANGKAH • CONTOH PRAKTIKAL

Mula Di Sini

Manual ini membimbing anda menghasilkan game 2D atau 3D menggunakan AI tanpa perlu menulis coding dari kosong. Fokusnya mudah: bermula dengan idea, hasilkan game yang playable, uji sekali, baiki jika perlu, kemudian publish sehingga mendapat live link yang boleh dibuka melalui internet.

Hasil akhir yang disasarkan

- Game 2D atau 3D berdasarkan idea sendiri.
- Gameplay sebenar dengan control yang berfungsi.
- Visual yang lebih kemas, stylized dan sesuai dengan tema game.
- Audio, fullscreen, HOME/BACK dan UI smartphone jika sesuai.
- Live link Cloudflare yang boleh dibuka dan dikongsi kepada orang lain.

Live link boleh digunakan untuk kegunaan sendiri, pembelajaran, demo, perkongsian atau sebagai asas kepada projek komersial. Cara menjual dan monetisasi bukan sebahagian daripada flow utama manual ini.

Flow Kerja: 4 Langkah Utama

Tidak perlu melakukan banyak versi atau adjustment berkali-kali. Game Engine akan coba mengurus bahagian teknikal dan kemasan secara automatik.

1

ISI IDEA

Isi Borang Idea Game. Jika tidak pasti, pilih AUTO.

2

GENERATE

Aktifkan Game Engine dan biarkan AI hasilkan game lengkap.

3

TEST SEKALI

Main game dan semak perkara asas. Repair hanya jika ada masalah.

4

PUBLISH

Sediakan versi publish-ready, upload ke Cloudflare dan dapatkan live link.

IDEA -> GENERATE -> TEST -> PUBLISH -> LIVE LINK

Apa Yang Perlu Disediakan

Semua langkah direka supaya boleh dimulakan dengan kos serendah mungkin.

Wajib

- Akaun ChatGPT - untuk menggunakan Game Engine dan menghasilkan game.
- Telefon atau laptop - telefon sahaja pun boleh untuk flow asas.
- Google Chrome - untuk test game dan membuka Cloudflare.
- Akaun Cloudflare percuma - untuk publish game dan mendapatkan live link.

Tidak wajib untuk bermula

- Domain sendiri.
- Hosting berbayar atau VPS.
- GitHub.
- Software coding.
- Pengalaman programming.

Cadangan Pelan ChatGPT

Manual ini boleh digunakan dengan Free, Go, Plus atau Pro.

- Free / Go: sesuai untuk mula mencuba dan membina banyak game asas.
- Plus / Pro: lebih disarankan untuk game kompleks, 3D, repair panjang dan final polish yang memerlukan reasoning/coding lebih tinggi.
- Hasil AI boleh berbeza antara plan dan antara setiap generate. Ciri serta had penggunaan ChatGPT juga boleh berubah dari semasa ke semasa.

Dengan telefon, ChatGPT dan akaun Cloudflare percuma, flow utama manual ini sudah boleh dilakukan.

Prompt Teras Tidak Perlu Disalin Dari PDF

Prompt Game Engine agak panjang. Untuk memudahkan penggunaan, prompt penuh disimpan di Prompt Vault. Dalam manual ini, tekan pautan yang disediakan, kemudian tekan satu butang untuk copy.

1

BUKA PROMPT VAULT

Tekan pautan Prompt Vault di halaman ini.

2

PILIH GAME ENGINE

Buka Prompt Teras Game Engine.

3

TEKAN COPY

Satu klik menyalin keseluruhan prompt.

4

PASTE KE CHATGPT

Paste ke chat baharu dan hantar.

BUKA PROMPT VAULT

bina-game-ai.pages.dev

Selepas Game Engine aktif, anda tidak perlu paste Prompt Teras semula selagi masih menggunakan chat yang sama.



AKSES BACKUP PROMPT VAULT

Jika butang tidak boleh ditekan:

bina-game-ai.pages.dev

Scan QR atau taip/copy URL di atas.

Template Idea Game Datang Dari Prompt Vault

Borang Idea Game tidak perlu disalin dari halaman PDF. Gunakan versi 1-click copy di Prompt Vault supaya format sentiasa kemas dan mudah dikemaskini.

1

BUKA PROMPT VAULT

Gunakan pautan yang disediakan dalam manual.

2

COPY TEMPLATE IDEA GAME

Tekan COPY pada Template Idea Game.

3

PASTE KE CHAT YANG SAMA

Paste selepas Game Engine sudah READY.

4

EDIT DULU

Isi atau tukar pilihan yang diperlukan. Jangan tekan Send lagi.

5

BARU SEND

Selepas siap edit, barulah tekan Send untuk generate game.

COPY -> PASTE -> EDIT -> SEND

Jika tidak pasti pada mana-mana bahagian, biarkan pilihan AUTO. Game Engine akan menentukan pilihan yang sesuai.

Standard Game Yang Dijaga Secara Automatik

Game Engine akan diarahkan supaya hasil pertama sudah mempunyai ciri asas yang penting. Tujuannya ialah mengurangkan kerja adjustment berulang.

- Gameplay sebenar - bukan mockup atau butang dummy.
- Touch control untuk smartphone dan control desktop jika sesuai.
- Visual menarik - character, pawn, musuh dan objek utama tidak kelihatan seperti placeholder kosong.
- Background atau environment yang sesuai dengan tema game tanpa memberatkan browser.
- BGM original/procedural dan SFX yang sesuai.
- Audio ON/OFF dan audio unlock yang serasi dengan Android Chrome.
- HOME/BACK dengan confirmation sebelum keluar.
- FULL SCREEN dan EXIT FULL SCREEN selepas user tap.
- Safe-area supaya HUD dan control tidak terlindung.
- Final UI/UX polish sebelum game diberikan.

Fokus anda ialah idea dan gameplay yang diinginkan. Game Engine mengurus sebanyak mungkin bahagian teknikal dan kemasan.

Fahami Limit Game Browser

Manual ini fleksibel, tetapi bukan semua idea game mempunyai tahap teknikal yang sama. Game Engine perlu memilih format yang paling realistik untuk browser.

Sangat Sesuai

- Platformer, puzzle, quiz dan educational game.
- Mission, collect item, obstacle dan endless runner.
- Board game 2D/3D.
- Beberapa pemain pada satu device.

Perlu Setup Lanjutan

- Multiplayer realtime antara device.
- Login pengguna dan database online.
- Cloud save atau sync account.
- Open-world sangat besar atau ramai pemain serentak.

AUTO 2D / 2.5D / 3D

Jangan paksa 3D hanya kerana mahu game nampak lebih cantik. Pilih format yang paling sesuai dengan idea.

- 3D biasanya sangat sesuai untuk board game, racing, runner, maze, obstacle dan exploration.
- 2D / 2.5D biasanya lebih cantik untuk makeup, dress-up, avatar creator, muka manusia detail, matching dan word game.
- Jika tidak pasti, pilih AUTO DISARANKAN. Game Engine akan memilih 2D, 2.5D atau 3D berdasarkan visual, gameplay dan performance.

Jika sesuatu memerlukan backend atau sistem tambahan, gunakan versi paling hampir yang benar-benar playable - jangan hasilkan fungsi palsu.

STEP 1 - Aktifkan Game Engine

Setiap projek game disarankan bermula dalam chat baharu supaya konteks lebih bersih.

1

BUKA CHAT BARU

Buka New Chat dalam ChatGPT.

2

BUKA PROMPT VAULT

Tekan pautan Prompt Vault di dalam manual.

3

COPY GAME ENGINE


Tekan satu butang untuk copy Prompt Teras.

4

PASTE & HANTAR

Paste ke dalam chat baharu dan hantar.

Jika setup berjaya, ChatGPT akan berhenti dan meminta IDEA GAME.



Apa Yang Game Engine Urus Untuk Anda

Selepas Prompt Teras aktif, anda tidak perlu menerangkan semua perkara teknikal setiap kali. AI akan membuat keputusan yang munasabah berdasarkan idea yang diberi.

GAMEPLAY

Genre, objective, control, win/lose, score, progression dan difficulty.

VISUAL

2D/3D, character, pawn, object, background, material dan visual consistency.

AUDIO

BGM original, SFX, audio unlock, balance volume dan Audio ON/OFF.

MOBILE

Touch control, safe-area, fullscreen, responsive layout dan performance.

UI/UX

HUD, spacing, readability, button size, hierarchy dan final polish.

QA

Syntax, button, gameplay logic, collision, progression dan fungsi utama.

Matlamatnya bukan menghasilkan banyak versi. Matlamatnya ialah mendapatkan hasil pertama yang sudah kemas dan playable.

STEP 2 - Copy, Paste, Edit, Baru Send

Selepas Game Engine READY, kembali ke Prompt Vault dan copy Template Idea Game. Paste ke chat yang sama, kemudian edit isi template sebelum menekan Send.

PENTING: Selepas paste, JANGAN terus tekan Send. Edit dahulu ikut game yang mahu dibuat.

Contoh selepas template sudah diedit

Nama / Idea Game: Dam Ular Matematik

Game 2D / 3D: 3D

Jenis Game: Educational + Board Game

Siapa Yang Main: Kanak-kanak dan keluarga

Apa Pemain Buat: 4 pemain baling dadu, jawab matematik dan cuba sampai petak 100

Jumlah Level: AUTO

Tema / Dunia: AUTO

Bahasa: Bahasa Melayu Malaysia


Kesukaran: AUTO

Catatan Tambahan: Reward menarik dan sesuai dimainkan di smartphone

SELEPAS SIAP EDIT -> SEND

STEP 3 - Biarkan AI Generate

Selepas idea dihantar, tunggu sehingga ChatGPT selesai membina game. Jangan tambah arahan lain semasa ia masih bekerja.




Jika ChatGPT beri fail HTML

- Download fail tersebut.
- Buka fail dalam Chrome untuk test gameplay sebenar.
- Preview attachment dalam aplikasi ChatGPT mungkin tidak menjalankan JavaScript.
- Jika interactive preview tersedia dan boleh dimainkan, anda boleh test di situ dahulu.

STEP 4 - Test Sekali

Main game seperti pemain biasa. Tidak perlu audit teknikal yang panjang. Semak perkara utama sahaja.



CHECK RINGKAS

- ✓ Game boleh mula
- ✓ Control berfungsi
- ✓ Audio kedengaran
- ✓ Fullscreen berfungsi
- ✓ HOME/BACK berfungsi
- ✓ Teks tidak terpotong
- ✓ Gameplay boleh progress/menang
- ✓ Visual nampak kemas

Jika semua okay: terus Publish. Jika ada masalah: gunakan REPAIR GAME dari Prompt Vault dan terangkan isu dengan ayat biasa.

Repair Hanya Jika Perlu

REPAIR bukan langkah wajib. Ia digunakan hanya apabila anda benar-benar nampak sesuatu yang tidak berfungsi atau tidak kemas.

ANDA BOLEH TULIS:

"Tiada bunyi background music bila main di Android."

APA YANG AI BUAT:

AI repair audio unlock dan BGM tanpa mengubah gameplay.

ANDA BOLEH TULIS:

"Butang HOME tak ada. Saya mahu confirmation sebelum keluar."

APA YANG AI BUAT:

AI tambah HOME/BACK tanpa merosakkan fungsi lain.

ANDA BOLEH TULIS:

"Nama pemain terpotong bila fullscreen."

APA YANG AI BUAT:

AI kemas UI/UX responsive dan safe-area.

ANDA BOLEH TULIS:

"Pawn dan ular nampak terlalu basic."


APA YANG AI BUAT:

AI upgrade visual character dan aset supaya lebih menarik.

Terangkan masalah. Jangan cuba tulis coding sendiri. Game Engine perlu repair tanpa mengubah fungsi yang sudah PASS.

Final Visual & UI/UX Polish

Sebelum versi akhir digunakan, Game Engine akan coba melakukan satu kemasan terakhir: visual, spacing, HUD, character, background, audio dan readability.



- Pawn/character lebih jelas dan mempunyai identiti visual.
- Ular, tangga dan objek utama tidak kelihatan seperti placeholder biasa.
- Papan mempunyai depth, material dan environment yang lebih hidup.
- Gameplay dan performance tetap diutamakan.

Selepas Game PASS

Apabila game sudah sedap dimainkan dan fungsi utama PASS, barulah sediakan fail untuk publish.

1

PUBLISH READY

Gunakan arahan Publish Ready daripada Prompt Vault.

2

FAIL UTAMA

Pastikan fail utama bernama index.html atau disediakan dalam ZIP.

3

CLOUDFLARE

Upload fail melalui Workers & Pages / Upload your static files.

4

DEPLOY

Namakan project dan tekan Deploy.

5

LIVE LINK

Tekan Visit dan test game dari link internet.

Bahagian seterusnya menunjukkan panduan Cloudflare dari zero menggunakan telefon sehingga game betul-betul live.

Sediakan Fail Publish-Ready

Sebelum membuka Cloudflare, minta AI menyediakan fail akhir yang mudah diupload. Ini mengelakkan kerja rename atau susun fail secara manual.

1

BUKA PROMPT VAULT

Pilih arahan PUBLISH READY.

2

COPY & PASTE

Paste ke chat game yang sama selepas game sudah PASS.

3

AI SEDIAKAN FAIL

Fail utama dinamakan index.html dan boleh dibungkus sebagai ZIP.

4


DOWNLOAD

Download fail publish-ready ke telefon atau laptop.

Jika anda mempunyai banyak game, setiap game boleh mempunyai ZIP sendiri. Anda tidak perlu rename berpuluh-puluh fail index.html dalam satu folder.

Cloudflare Dari Zero - Daftar Akaun

Jika belum pernah menggunakan Cloudflare, buka Chrome dan pergi ke dash.cloudflare.com. Akaun percuma sudah mencukupi untuk flow asas manual ini.



1

TEKAN SIGN UP

Daftar akaun baharu. Anda juga boleh menggunakan kaedah login yang tersedia.

Selepas daftar, login ke Dashboard Cloudflare. Domain sendiri tidak diperlukan untuk mendapatkan live link asas.

dash.cloudflare.com

Jika Guna Telefon: Aktifkan Desktop Site

Dashboard Cloudflare lebih mudah digunakan dalam paparan desktop. Jika menu terlalu kecil atau proses login berulang, gunakan Chrome Desktop site.

1

CHROME MENU

Tekan ikon tiga titik pada Chrome.

2


DESKTOP SITE

Aktifkan Desktop site / Tapak desktop.

3

LOGIN SEMULA


Buka semula Dashboard Cloudflare jika perlu.



Paparan memang nampak kecil pada telefon, tetapi semua langkah asas masih boleh dilakukan dengan zoom jika perlu.

Masuk Ke Workers & Pages

Selepas login, buka bahagian Compute dan pilih Workers & Pages.




1

CREATE APPLICATION

Tekan butang Create application di bahagian kanan atas.

Pilih Upload Your Static Files


Cloudflare menawarkan beberapa pilihan. Untuk flow manual ini, gunakan satu pilihan sahaja: Upload your static files.



Abaikan GitHub, GitLab, template dan pilihan lain. Flow ini menggunakan upload fail static secara terus.

Upload Fail Game

Tekan kawasan upload dan pilih fail publish-ready yang sudah didownload dari ChatGPT.




- Jika AI beri ZIP, pilih ZIP tersebut.
- Jika AI beri index.html sahaja, pilih index.html.
- Tidak perlu edit coding sebelum upload.

Prompt PUBLISH READY direka supaya fail utama sudah berada dalam format yang sesuai untuk upload.

Namakan Game & Deploy

Selepas fail berjaya dimuat naik, Cloudflare akan memaparkan nama rawak. Tukar kepada nama game yang mudah dikenali.



1

WORKER NAME

Contoh: dam-ular-matematik.

2

TANDA BETUL

Pastikan nama diterima oleh Cloudflare.


3

DEPLOY

Tekan Deploy dan tunggu sehingga selesai.

Deploy Berjaya

Jika paparan seperti ini muncul, game anda sudah berada di internet.



1


TEKAN VISIT

Buka game melalui live link yang Cloudflare berikan.

Alamat live link setiap akaun akan berbeza. Anda tidak perlu membeli domain untuk menggunakan link asas ini.

Game Sudah Live

Apabila game boleh dibuka melalui link Cloudflare, ia bukan lagi localhost. Link itu boleh dibuka dari peranti lain yang mempunyai internet.



Final Check

- Buka live link di telefon sendiri.
- Test sekali lagi audio, fullscreen, HOME/BACK dan gameplay.
- Jika semuanya PASS, simpan live link tersebut.
- Live link boleh dikongsi melalui WhatsApp, Telegram, email atau mana-mana saluran yang sesuai.

Tahniah. Flow manual selesai: IDEA -> GAME -> TEST -> PUBLISH -> LIVE LINK.

Idea Game Apa Yang Sesuai Dibina?

Game Engine boleh menyesuaikan mekanik mengikut idea. Gunakan contoh di bawah sebagai inspirasi, bukan sebagai had.

2D Platformer 2D

Lompat, kutip item, elak musuh dan buka checkpoint.

3D Board Game 3D

Dadu, pawn, petak bonus, soalan dan progression.

M Mission Game

Cari objek, selesaikan tugas dan buka kawasan baharu.

E Educational

Gabungkan belajar dengan movement, reward dan challenge.

R Endless Runner

Lari, elak halangan, kumpul coin dan kejar skor.

Q Puzzle / Quiz

Padankan, susun, pilih jawapan atau selesaikan teka-teki.

RC Racing Ringkas

Lumba, checkpoint, masa, obstacle dan score.

A Adventure Mini

Explore map kecil, item, NPC ringkas dan mission.

Jika tidak pasti jenis game yang sesuai, pilih AUTO dalam Borang Idea Game. Game Engine akan tentukan format yang paling munasabah.

Command Library Dalam Prompt Vault

Semua arahan penting disimpan dalam Prompt Vault supaya anda tidak perlu menyalin prompt panjang dari PDF.

GAME ENGINE

Aktifkan sistem utama sebelum mula mencipta game.

BORANG IDEA GAME

Copy template, paste ke ChatGPT, EDIT dahulu, kemudian SEND.

REPAIR GAME

Gunakan hanya jika ada fungsi atau paparan yang bermasalah.

VISUAL / UI POLISH

Digunakan jika mahu kemaskan visual tanpa mengubah gameplay yang sudah PASS.

PUBLISH READY

Sediakan fail akhir index.html atau ZIP untuk upload ke Cloudflare.

Flow paling penting untuk Idea Game: COPY dari Vault -> PASTE ke chat -> EDIT isi pilihan anda -> baru tekan SEND.

Troubleshooting Pantas

Jika sesuatu tidak menjadi seperti yang dijangka, semak masalah paling biasa di bawah sebelum mula semula dari kosong.

Game nampak tetapi butang tidak boleh ditekan

Pastikan fail dibuka dalam Chrome, bukan hanya preview attachment PDF/HTML.

Tiada muzik di Android

Tekan START, BALING DADU atau Audio ON dahulu. Browser biasanya perlukan sentuhan pertama untuk aktifkan audio.

Fullscreen tidak masuk sendiri

Normal. Fullscreen memerlukan user tap. Gunakan butang FULL SCREEN dalam game.

Teks atau HUD terpotong

Gunakan REPAIR GAME dan beritahu bahagian yang terpotong. Minta UI/UX responsive dikemaskan.

Game terlalu basic

Gunakan VISUAL / UI POLISH. Minta character, pawn, objek dan background dibuat lebih stylized tetapi ringan.

Cloudflare upload gagal

Pastikan fail utama ialah index.html atau gunakan ZIP publish-ready yang disediakan.

Group Support & Update Prompt

Teknologi AI, browser dan platform publish boleh berubah. Prompt Vault dan Group Support membantu anda menggunakan flow yang paling terkini tanpa perlu meneka sendiri.

Gunakan Group Support untuk

- Laporkan masalah yang masih berlaku selepas menggunakan REPAIR GAME.
- Tanya cara menggunakan Prompt Vault atau flow publish.
- Kongsi jenis game yang berjaya dihasilkan.
- Cadangkan improvement yang berguna untuk ramai pengguna.
- Dapatkan maklumat apabila Prompt Teras atau template penting dikemaskini.

Prinsip update

- Jika masalah sama berlaku kepada ramai pengguna, Prompt Teras boleh dikemaskini supaya hasil seterusnya lebih baik.
- Manual kekal sebagai panduan langkah demi langkah; Prompt Vault ialah tempat prompt yang lebih mudah dikemaskini.
- Simpan pautan Prompt Vault dan Group Support supaya mudah dirujuk apabila diperlukan.

BUKA GROUP SUPPORT WHATSAPP

**Matlamat support ialah memudahkan anda kembali kepada flow: IDEA -> GAME
-> TEST -> PUBLISH -> LIVE LINK.**



AKSES BACKUP GROUP SUPPORT

Jika butang tidak boleh ditekan:

chat.whatsapp.com/BI5j0rhac0rHVV0oXln0an

Scan QR atau taip/copy URL di atas.

Checklist Akhir Sebelum Simpan Live Link

Sebelum anggap projek selesai, lakukan satu final check ringkas.

- ✓ Game boleh dibuka dari live link.
- ✓ Game boleh mula dan dimainkan.
- ✓ Touch control atau keyboard berfungsi.
- ✓ Audio dan Audio ON/OFF berfungsi.
- ✓ FULL SCREEN dan EXIT FULL SCREEN berfungsi.
- ✓ HOME/BACK berfungsi tanpa keluar secara tidak sengaja.
- ✓ Teks dan HUD tidak bertindih atau terpotong.
- ✓ Visual utama nampak kemas dan konsisten.
- ✓ Gameplay boleh progress, menang atau selesai mengikut konsep game.
- ✓ Live link diuji sekali lagi pada telefon.

PASS semua? Simpan live link anda. Projek game sudah selesai sehingga tahap LIVE LINK.

Urus Banyak Game Tanpa Serabut

Jika anda menghasilkan banyak game, jangan campurkan semua fail dalam satu folder Downloads. Gunakan satu struktur mudah supaya fail tidak tertukar.

Formula paling mudah

1 GAME = 1 FOLDER / 1 ZIP

ZIP

dam-ular-matematik.zip

Mengandungi index.html untuk game Dam Ular Matematik.

ZIP

misi-iqra.zip

Mengandungi index.html untuk game Mission Iqra.

ZIP

runner-angkasa.zip

Mengandungi index.html untuk game Runner Angkasa.

Kenapa cara ini lebih selamat?

- Setiap game boleh mempunyai index.html sendiri tanpa konflik.
- Tidak perlu rename ratusan fail index.html dalam folder yang sama.
- Senang cari semula game untuk test atau publish.
- Nama ZIP boleh ikut nama game supaya mudah dikenal.

Quick Start - Dari Idea Ke Live Link

Gunakan halaman ini sebagai rujukan pantas selepas anda sudah faham manual penuh.

1

BUKA PROMPT VAULT

Copy GAME ENGINE dan paste ke New Chat.

2

GAME ENGINE READY

Tunggu sehingga ChatGPT meminta IDEA GAME.

3

COPY BORANG IDEA

Paste template ke chat. EDIT semua pilihan dahulu. Jangan SEND lagi.

4

SEND IDEA

Selepas selesai edit, tekan SEND dan tunggu game siap.

5

TEST SEKALI

Main game. Jika semuanya PASS, teruskan. Jika ada isu, gunakan REPAIR GAME.

6

PUBLISH READY

Copy arahan Publish Ready dari Prompt Vault.

7

UPLOAD CLOUDFLARE

Upload index.html / ZIP, namakan project dan Deploy.

8

TEST LIVE LINK

Tekan Visit. Pastikan game boleh dimainkan melalui internet.

Selesai: IDEA -> GAME -> TEST -> PUBLISH -> LIVE LINK

Tahniah - Game Anda Sudah Live

Apabila game boleh dibuka melalui live link Cloudflare dan semua final check telah PASS, objektif manual ini sudah selesai.



LIVE LINK READY

Game boleh dibuka dari peranti lain melalui internet.

Apa yang boleh dibuat dengan live link?

- Main sendiri pada telefon, tablet atau laptop.
- Kongsi kepada keluarga, pelajar, rakan atau komuniti.
- Gunakan sebagai demo projek atau bahan pembelajaran.
- Simpan link sebagai versi game yang sudah diterbitkan.
- Jika mahu menggunakan game untuk tujuan komersial, pilih kaedah jualan atau monetisasi yang sesuai mengikut keperluan sendiri.

BUKA GROUP SUPPORT WHATSAPP

Simpan PDF ini, Prompt Vault dan Group Support sebagai rujukan selepas game anda live.



JIKA BUTANG WHATSAPP TAK BOLEH DITEKAN

Jika butang tidak boleh ditekan:

chat.whatsapp.com/BI5j0rhac0rHVV0oXIn0an

Scan QR atau taip/copy URL di atas.

BONUS

Dari Live Link Ke Game Yang Boleh Dijual

Kalau anda bina game untuk anak, keluarga atau kegunaan sendiri, anda boleh berhenti selepas LIVE LINK. Kalau anda mahu cuba jual game itu, sambung flow ringkas di bawah.

UNTUK MAIN SENDIRI

IDEA → GAME → CLOUDFLARE → MAIN

Tak perlu payment atau sistem akses jika game hanya untuk kegunaan sendiri.

KALAU NAK JUAL

LIVE LINK → JUALAN → BAYAR → AKSES

Tambah landing page, payment dan access page supaya customer tahu apa dibeli dan bagaimana nak main.

1

LOCK GAME FINAL

Pastikan gameplay, button, audio, fullscreen, visual V3+ dan performance smartphone sudah PASS.

2

BUAT LANDING PAGE

Tunjuk screenshot/video gameplay, siapa sesuai, apa yang customer dapat, harga dan butang BELI.

3

SAMBUNG PAYMENT

Gunakan payment gateway seperti ToyibPay. Customer bayar dan sistem sahkan pembayaran.

4

DELIVERY / ACCESS PAGE

Selepas bayaran berjaya, redirect customer ke halaman akses yang mempunyai butang MAIN GAME.

5

PILIH TAHAP PERLINDUNGAN

Untuk mula: Payment → Access Page → Game. Bila jualan berkembang, upgrade kepada login/token/database supaya akses lebih sukar dikongsi.

6

URUS PEMBELI & UPDATE

Simpan rekod pembeli, beri support, update game pada link yang sama dan pastikan aset yang digunakan sesuai untuk penggunaan komersial.

MULA SIMPLE DULU.

Buktikan ada orang mahu beli dahulu. Selepas itu barulah tambah login, token atau sistem akses yang lebih advanced.